

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIM [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
[HANG TUAH JAYA]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah Rang Undang-Undang Perubahan Iklim akan dapat dibentangkan dan apakah terdapat usaha untuk membangunkan sistem amaran cuaca yang lebih sistematik dan bersepadu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Alam Sekitar dan Air sedang membangunkan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim negara secara berfasa. Fasa awal adalah melibatkan pembangunan kerangka undang-undang perubahan iklim yang dijangka akan dimuktamadkan pada awal tahun 2022. Kerangka undang-undang tersebut akan menjadi asas kepada pembangunan Rang Undang-Undang atau Akta Perubahan Iklim yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2025.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui agensi pelaksana Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) berperanan untuk **membekalkan maklumat mengenai ramalan cuaca dan penyebaran amaran cuaca kepada semua stakeholder**. Sehubungan dengan itu, MET Malaysia telah mula membangunkan sistem amaran awal cuaca pada tahun 2002. Sejak itu, sistem ini telah ditambahbaik secara berterusan agar ia lebih sistematik dan bersepadu dengan meningkatkan keupayaan sistem rangkaian pencerapan, pemprosesan data dan penyebaran maklumat. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang diambil oleh MET Malaysia bagi memperkasakan sistem amaran awal cuaca sedia ada ialah menambah rangkaian radar cuaca, menambahbaik stesen pencerapan permukaan, mempertingkatkan model ramalan cuaca berangka dan menambahbaik sistem penyampaian maklumat.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12), MET Malaysia sedang memasang lapan buah stesen radar baharu iaitu di Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Pembinaan lapan buah radar ini adalah sebagai tambahan kepada 11 buah stesen radar sedia ada dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022. Dengan tambahan radar baharu ini, pemantauan hujan lebat dapat dilakukan dengan lebih teliti dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Usaha kedua ialah MET Malaysia kini sedang menaiktaraf 60 stesen pencerapan permukaan kepada Stesen Cuaca Automatik. Ia adalah sebagai tambahan kepada 205 stesen sedia ada dan projek ini dijangka akan siap pada tahun 2022. Melalui usaha ini, MET Malaysia dapat memantau keadaan cuaca dengan lebih terperinci pada masa sebenar.

5. Usaha ketiga pula ialah mempertingkatkan model ramalan cuaca berangka. **MET Malaysia telah meningkatkan keupayaan model cuaca dengan mengadaptasi teknologi Sistem Komputer Berprestasi**

NO. SOALAN : 27

Tinggi (*High Performance Computing (HPC)*) mulai pertengahan tahun 2017. Produk-produk model cuaca yang dijanakan oleh Sistem HPC ini membolehkan pegawai-pegawai meteorologi menjangkakan risiko bencana cuaca tujuh hari lebih awal berbanding dahulu hanya tiga hari. Ia juga membekalkan perincian bagi kawasan dilanda bencana dengan resolusi satu kilometer persegi berbanding 16 kilometer persegi sebelum ini.

6. Dalam meningkatkan keupayaan pengeluaran amaran ribut petir, **MET Malaysia telah membangunkan sistem pemantauan dan ramalan fenomena ribut petir dan hujan lebat iaitu *Radar Integrated Nowcasting System (RaINS)*** yang menggunakan teknologi termaju rangkaian radar cuaca dan model ramalan berangka atmosfera janaan Sistem HPC. RaINS berupaya menghasilkan unjuran pergerakan dan intensiti hujan untuk setiap 10 minit sehingga tiga jam ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Usaha keempat ialah menambahbaik sistem penyampaian maklumat. Seiring dengan perkembangan semasa agar penyampaian perkhidmatan dapat memenuhi kehendak rakyat, MET Malaysia telah membangunkan aplikasi myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai. MET Malaysia turut melaksanakan RakanMET iaitu medium interaksi dua hala antara MET Malaysia dan orang awam bagi perkongsian maklumat sahih mengenai perkembangan cuaca semasa di Negara.

8. Di bawah RMKe-12, MET Malaysia juga akan menambahbaik sistem penyampaian maklumat bencana berkaitan cuaca, gempa bumi dan tsunami yang mesra pengguna dan *real time* sejajar dengan perubahan teknologi terkini.

Sekian, terima kasih.